



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

**MAJLIS KONVOKESYEN KE - 22
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

DEWAN AL-JAZARI

SIDANG 4

7 DISEMBER 2021 (SELASA)

11.30 PAGI

**YBrs. DR. ZUBAIDAH BINTI AMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berusaha Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail
Pengarah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

YBrs. Ts. Roseman bin Mat Jidin
Timbalan Pengarah Akademik

YBrs. Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan
kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Diraikan Ibu bapa dan barisan graduan

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya merafakkan rasa syukur kerana diberi keizinan oleh-Nya untuk bersama-sama meraikan Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) ke-22. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan sekalung **tahniah dan syabas kepada 2,818 graduan yang akan menerima ijazah sarjana muda, diploma dan sijil penganugerahan masing-masing**. Tahniah kerana berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang serta cekal mengharungi tekanan dan cabaran di sepanjang pengajian.
2. Tahniah juga diucapkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang turut sama meraikan Majlis Konvokesyen yang sangat bermakna buat graduan sekalian. Pengorbanan tuan/puan selama ini terbalas dengan kejayaan para graduan hari ini. Tidak lupa juga ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu dalam mencurahkan ilmu. Tahniah!!! usaha yang diberikan amat bermakna buat negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti.

Para Graduan, Ibulubapa dan sidang hadirin sekalian,

3. Sebagai sebuah jabatan yang menguruskan sebuah keluarga besar institusi TVET di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu sebanyak **36 Politeknik dan 104 Kolej Komuniti seluruh Malaysia**, tanggungjawab untuk melahirkan graduan holistik,

berciri keusahawanan dan seimbang merupakan antara misi utama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Setakat ini, jumlah graduan Politeknik adalah seramai 609,617 orang (1969 hingga Jun 2020) dan 179,155 orang graduan daripada Kolej Komuniti (2003 hingga Jun 2020). JPPKK mempunyai kekuatan Pensyarah Politeknik seramai 7,419 orang manakala Pensyarah Kolej Komuniti seramai 2,800 orang. Keluarga besar ini telah melonjak kejayaan dalam pelbagai lapangan.

4. Suka saya menyatakan di sini bahawa sebanyak 10 buah politeknik termasuk PSA telah berjaya memperolehi pengiktirafan akreditasi di peringkat antarabangsa daripada ***Asia Pacific Accreditation and Certification Commission*** (APACC). Tahniah PSA kerana telah berjaya memperolehi **Anugerah Emas** pada tahun 2014 dan 2019 dalam akreditasi ini. Suatu kejayaan yang sangat membanggakan. Pengiktirafan antarabangsa APACC ini telah membuktikan Politeknik Malaysia mampu berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa dan juga sebagai penanda aras kecemerlangan institusi TVET di rantau Asia Pasifik dari aspek kualiti, kebertanggungjawaban dan kepercayaan awam terhadap Politeknik Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada **Centre for Medical Electronic Technology (CMET)** PSA yang telah mendapat pengiktirafan MS ISO/IEC 17025:2017 daripada Jabatan Standard Malaysia untuk menawarkan khidmat kepakaran penentukuran (*calibration*) peralatan pengujian biomedikal yang kompeten dan bermutu di Asia. CMET juga telah mendapat Anugerah COT Terbaik Politeknik Malaysia Tahun 2019 dan 2020. Semoga pusat ini akan terus berkembang sebagai pusat penyelidikan dan latihan dalam bidang teknologi perubatan yang terkemuka di dalam dan juga di luar negara.

6. Di samping itu, PSA juga komited dalam melahirkan **graduan Tahfiz TVET** melalui program Technohuffaz. Program Technohuffaz yang memberi peluang kepada pelajar politeknik untuk mengikuti program huffaz diharap akan melahirkan graduan TVET yang global dan holistik serta membina masyarakat yang '*multi-tasking*' dan '*multi-skilling*' dalam mendepani cabaran global. Tahniah saya ucapkan kepada Saudara Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan, merupakan graduan sulung Politeknik Malaysia yang telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran sekali gus dianugerahkan dua sijil iaitu Diploma Pengajian Perniagaan dan Sijil Tahfiz Malaysia dari Darul Quran JAKIM. Harapan saya, program ini akan dapat

diperluaskan sekali gus melahirkan lebih ramai teknokrat huffaz di negara ini.

Graduan, Ibu bapa dan Hadirin yang dihormati,

7. Syabas dan tahniah PSA kerana telah diiktiraf sebagai **Pusat Bertauliah** oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dengan peruntukan dana sebanyak RM2.2 juta. Pusat ini berperanan meningkatkan kemahiran dan kepakaran graduan sekali gus meyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran. Saya menyeru agar semua graduan untuk mengambil peluang menyertai program di bawah Pusat Bertauliah ini.

8. Disamping Pusat Bertauliah Saya juga ingin mengambil kesempatan ini berkongsi pencapaian gemilang Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Antaranya ialah PSA telah menjadi finalis kategori institusi bagi Anugerah Keusahawan Kementerian Pengajian Tinggi, pelaksanaan Program *Learn From Home* bersama YTL Group dan pembangunan Makerspace di bawah Future Instructional Technology Academic Center (FITAC). Pencapaian PSA dalam bidang penyelidikan dan inovasi juga sangat cemerlang dengan kejayaan Pingat Emas di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa dalam beberapa pertandingan.

9. Suka saya kongsiikan di sini inisiatif *Way Forward* yang telah dimulakan oleh PSA sebagai peneraju TVET unggul iaitu **Projek Rumah Kayu Industrialized Building System (IBS) Timtech** yang merupakan projek kolaborasi bersama **Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)**. Projek ini mensasarkan penghasilan modul pembelajaran dan *Standard Operation Procedure* (SOP) serta contoh rumah kayu berkonsep IBS sepenuhnya yang pertama di Malaysia sebagai rujukan pengusaha-pengusaha pembuatan rumah. Di akhir projek ini, para pelajar yang terlibat secara langsung layak diberi Sijil Kompetensi Teknologi IBS Kayu oleh pihak MTIB.
10. Inisiatif seterusnya ialah pembangunan **Technology Robotic and IoT Center (TRIC)** yang merupakan sebuah pusat peneraju bidang IR 4.0 berfokus kepada penyelidikan dan latihan. Pusat ini juga bakal melahirkan graduan berpacu industri yang mempunyai daya saing yang tinggi.
11. Sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua graduan PSA atas pencapaian **kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi iaitu 97.8% pada tahun 2021**. Kadar ini sangat membanggakan terutamanya ketika kita masih bergelut dengan situasi yang sangat mencabar akibat pandemik COVID-19. Harapan saya, semoga **Pusat Bertauliah, Projek Rumah Kayu IBS Timtech dan Technology Robotic and IoT Center**

dapat meningkatkan pencapaian kadar kebolehpasaran graduan pada tahun-tahun seterusnya.

12. Akhirnya, saya mendoakan semoga saudara dan saudari sekalian akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.